



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : SISTEM MAKLUMAT
PERNIAGAAN
KOD MATA PELAJARAN : BTI 4862
KURSUS : 4 BTI
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan

- S1** (a) Berikan definisi sistem maklumat. (2 markah)
- (b) Senaraikan **TIGA (3)** contoh sistem maklumat yang sesuai di gunakan dalam persekitaran Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). (6 markah)
- (c) Jelaskan **EMPAT (4)** kelebihan menggunakan sistem maklumat kepada organisasi perniagaan. (12 markah)
- S2** (a) Senaraikan **DUA (2)** jenis organisasi perniagaan yang tidak berasaskan keuntungan. (4 markah)
- (b) Terdapat tiga (3) jenis keputusan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan berkaitan dengan operasi syarikat. Jelaskan **DUA (2)** jenis keputusan yang anda pilih. (6 markah)
- (c) Huraikan secara terperinci aktiviti Pungutan Pembayaran Dari Pelanggan dalam Sistem Pemprosesan Transaksi. (10 markah)

S3 Jawab soalan berdasarkan kajian kes di bawah:

Syarikat My Smart Network merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan produk kesihatan berasaskan herba. Syarikat menerima purata 100 pesanan pelanggan setiap hari. Pesanan-pesanan pelanggan ini diuruskan secara manual iaitu jurujual syarikat akan mencatat permintaan pelanggan dalam sebuah buku kecil. Kemudian jurujual ini akan menghantar satu salinan permintaan kepada kerani gudang. Tugas kerani gudang ialah memeriksa sama ada barangan yang dipesan mencukupi (dengan memeriksa stok di rak-rak dalam gudang) dan memaklumkan kepada jurujual. Jika stok barang mencukupi, jurujual juga akan menghantar satu salinan permintaan pelanggan kepada kerani akaun yang bertugas memeriksa rekod kredit pelanggan dan seterusnya kerani akaun akan mengeluarkan pesanan jualan untuk dihantar kepada pelanggan.

Jika barangan tidak mencukupi, jurujual akan bertanya kepada pelanggan sama ada pelanggan boleh menunggu sehingga stok mencukupi atau pun meneruskan belian berdasarkan jumlah barangan yang ada.

- (a) Berikan **SATU (1)** masalah yang akan dihadapi oleh syarikat My Smart Network berdasarkan gaya kerja yang diamalkan seperti dalam kajian kes di atas (2 markah)

- (b) Cadangkan **SATU (1)** penyelesaian dan keterangan bagi menyelesaikan kaedah pesanan jualan dan pengurusan stok bagi Syarikat My Smart Network. (2 markah)
- (c) Huraikan **EMPAT (4)** hujah bagaimanakah penyelesaian anda dalam S3(b) membantu syarikat My Smart Network menguruskan operasi perniagaannya. (16 markah)

S4 Jawab soalan berdasarkan kajian kes di bawah:

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Computer Industry Almanac pada tahun 2005, terdapat 1.08 billion pengguna Internet seluruh dunia. Jumlah tersebut termasuklah jumlah pengguna Internet di Malaysia iaitu seramai 10 juta orang pengguna. Ini menunjukkan Malaysia mempunyai kadar penembusan Internet yang tinggi berbanding dengan jumlah penduduknya. Ini membuka peluang kepada usahawan teknologi maklumat menjalankan perniagaan elektronik ataupun e-dagang.

- (a) Pada pendapat anda, adakah persekitaran Malaysia sesuai bagi perniagaan e-dagang? (1 markah)
- (b) Berdasarkan jawapan anda di S4(a), justifikasikan **EMPAT (4)** alasan anda. Bagi setiap alasan berikan huraian dan contoh yang bersesuaian bagi menyokong alasan-alasan tersebut. (24 markah)

S5 Sebagai seorang pegawai sistem maklumat di sebuah bank, anda bertanggungjawab menyelia dan mengawal aplikasi sistem maklumat yang terdapat di organisasi anda.

- (a) Apakah yang dimaksudkan kawalan aplikasi (3 markah)
- (b) Jelaskan dengan terperinci **SEMUA** jenis kawalan aplikasi yang dilaksanakan oleh anda. (12 markah)